

19/06/2001

Daim tidak akan hadir Perhimpunan Agung Umno

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Bendahari Agung Umno, Tun Daim Zainuddin, tidak akan menghadiri Perhimpunan Agung parti, mulai Khamis hingga Sabtu ini.

Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata Daim mengesahkan perkara itu ketika beliau bertemu dengan bekas Menteri Kewangan itu.

"Ketidakhadiran Daim adalah kerana beliau bukan lagi ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dan juga bukan sebagai anggota perwakilan bahagian Merbok.

"Kebetulan pada tarikh itu Daim akan ke luar negara. Beliau meminta saya menyampaikan salam kepada semua ahli MT, perwakilan dan pemerhati yang hadir pada perhimpunan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula Khamis ini, manakala Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pula akan diadakan pada Rabu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan Amanat Presiden kepada semua perwakilan parti di Dewan Merdeka PWTC, jam 3.30 petang esok.

(END)